

## **PENGGUNAAN DEWAN YANG DIBENARKAN**

1. Majlis Perkahwinan/ Keraian/ Jamuan.
2. Pertandingan sukan (bersesuaian mengikut gelanggang yang disediakan).
3. Pameran.
4. Seminar/ Mesyuarat.
5. Pertunjukan kebudayaan.
6. Kegunaan lain yang dibenarkan oleh pihak Majlis.

## **SYARAT –SYARAT PENGGUNAAN**

1. Pihak Majlis berhak untuk membatalkan kelulusan yang diberikan sekiranya pada tarikh yang dipohon, terdapat penggunaan rasmi kerajaan / pembaikan dewan dan lain -lain. Pihak Majlis akan memaklumkan melalui panggilan telefon atau surat menyurat untuk membatalkan permohonan penyewa.
2. Penyewa hendaklah menjelaskan bayaran sewaan selepas tarikh penggunaan. Samada melalui kaunter atau bayaran EFT.
3. Menggunakan dewan hanya dalam tempoh sewaan yang dipohon dan dibenarkan oleh pihak Majlis.
4. Penyewa harus menanggung, membayar dan menjelaskan segala kerugian kepada pihak Majlis terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan barangan, alat perkakas atau kelengkapan dewan.
5. Penyewa tidak boleh membuat sebarang tuntutan kepada Majlis atau mana –mana pegawainya bagi apa –apa kehilangan atau kerosakan harta benda kepunyaan penyewa.
6. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan dan keselesaan orang awam sepanjang tempoh sewaan.
7. Mendapat persetujuan daripada Majlis untuk meletak atau mempamerkan papan nama, papan tanda, pelekat, poster, iklan, tiang bendera atau apa –apa benda lain di bahagian luar dan dalam dewan.
8. Memastikan dewan bebas dari semua orang, peralatan dan barang – barang kepunyaan penyewa sebaik sahaja tamat tempoh sewaan.
9. Menjaga dewan supaya dalam keadaan bersih dan semua sampah sarap hendaklah dibuang ke dalam bekas yang disediakan oleh Majlis dengan keadaan baik termasuk kebersihan di dalam dewan, tandas, luar dewan dan lain-lain fasiliti yang disediakan oleh Majlis.
10. Tidak memasak apa-apa makanan di dalam dewan. Tidak dibenarkan memesan, menyediakan atau menghidang makanan dan minuman yang haram disisi Agama Islam samaada di luar atau di dalam dewan.

11. Tidak mencuci atau membasuh apa –apa perkakas yang digunakan di dalam dewan.
12. Tidak mengalih, memindahkan atau mengubah apa –apa perkakas asal atau alat kemudahan yang berada di dalam dan luar dewan tanpa kebenaran pihak Majlis.
13. Tidak boleh mendirikan apa –apa struktur atau pondok di dalam dewan yang boleh mengakibatkan perubahan fizikal dewan.
14. Tidak boleh mengadakan apa –apa bentuk perjudian di dalam dewan.
15. Tidak akan menyerahkan hak menyewa atau melepas milik dewan tanpa persetujuan daripada pihak Majlis.
16. Akan memastikan tiada binatang di bawa masuk ke dalam dewan.
17. Pembatalan hendaklah dibuat secara bertulis sebelum tarikh penggunaan dengan memaklumkan kepada pihak Majlis.
18. Mematuhi segala undang –undang yang di guna oleh pihak Majlis.